

P.U. (A) 280.

MALAYSIA ACT

EVIDENCE ORDINANCE (EXTENSION) ORDER, 1971

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 261 published on the 12th August, 1971—

(i) insert the figure “58” in the first column of the Schedule against the modification set out in the last paragraph of the second column of the Schedule at page 1215; and

(ii) omit the letter “d” in the word “substituted” in the first modification set out in the second column against section 81.

[P.N. 3375/181.]

P.U. (A) 281.

ORDINAN PEJABAT POS, 1947

KAEDAH² (No. 2) (PEMBATALAN) SETEM, 1971

34/47. PADA menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen² 22 dan 100 Ordinan Pejabat Pos, 1947, Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom dengan ini membuat Kaedah² yang berikut:

Nama. 1. Kaedah² ini boleh-lah di-namakan **Kaedah² (No. 2) (Pembatalan) Setem, 1971.**

Pembatalan setem² pos. 2. Setem² pos biasa yang perihal dan harga-nya di-nyatakan masing² dalam ruang pertama dan kedua dalam Jadual bersama ini ada-lah di-batalkan bagi maksud² pos dan hasil, mula² dari 1hb Disember, 1971.

Menukarkan setem² yang di-batalkan. 3. Walau apa pun peruntukan kaedah 2 mula² dari 1hb Disember, 1971, bagi tempoh sa-lama tiga bulan, setem² pos yang di-batalkan di-bawah kaedah 2 boleh, atas permohonan yang di-buat bagi maksud itu kepada Pejabat Pengarah Pos, Sabah, Kota Kinabalu, di-tukar dengan setem² pos Malaysia yang sama harga-nya dan yang ada di-gunakan pada masa itu.

JADUAL

RUANG 1	RUANG 2
<i>Perihal Setem²</i>	<i>Harga dan Warna</i>
(Setem ² menggambarkan Queen Elizabeth II dan perkataan NORTH BORNEO di-chetak atas-nya “SABAH”)—	
Payau	1 sen—Merah/choklat dan hijau/biru
Bruang	4 „ —Kuning telur dan hijau kehitaman ²
Harimau belang	5 „ —Ungu muda kebiruan dan merah choklat tua
Perempuan Dusun dan Gong	6 „ —Hijau dan hitam
Peta Negeri Borneo	10 „ —Merah dan hijau
Tembatau	12 „ —Hijau kebiruan dan choklat
Kupu ² Orkid	20 „ —Biru laut dan hijau tua kebiruan ²